



SUK.D200(06)600/9/Jld 15 (8)

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI  
BILANGAN 5 TAHUN 2020**

**ELAUN TANGGUNGJAWAB KHAS PEMANDU**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 5 Tahun 2020 bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 April 2019.
3. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web [www.kelantan.gov.my](http://www.kelantan.gov.my).

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K. (Kelantan)**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
**KOTA DARULNAIM**

Bertarikh : 11 Syaaban 1441H bersamaan  
5 April 2020

Kepada: Semua Ketua Jabatan Negeri  
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Ketua Bahagian/Unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

*10/4/20*

*Rahmat*

<b>TINDAKAN Daripada: TYDP</b>	
SU	
KPP	
KPA	
IB	
PZ	
PPP	
BENDAHARI	
DTM	
PAZ	
PB	
PPA	
PW	
NOTA:	



**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 5 TAHUN 2020**

---

**ELAUN TANGGUNGJAWAB KHAS PEMANDU**

**1. TUJUAN**

✓ Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menjelaskan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan mengenai persetujuan menerima pakai **Pekeliling Perkhidmatan (Persekutuan) Bilangan 1 Tahun 2019 Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu** bertujuan memperkemas peraturan dan syarat pemberian Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu (ETKP) kepada Pemandu Kenderaan Gred H11, H14, H16 dan H18.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Selaras dengan inisiatif untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, peraturan dan syarat pemberian ETKP diperkemas dan digabungkan ke dalam Pekeliling Perkhidmatan supaya pemberian ETKP dapat dilaksanakan dengan berkesan dan teratur serta memudahkan rujukan.

2.2 Pada masa ini terdapat satu Pekeliling Perkhidmatan dan satu Surat Edaran yang menggariskan pemberian ETKP sebagai unsur galakan dan kemahiran kerana dikehendaki memandu kenderaan yang tanggungjawabnya lebih mencabar. Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Edaran tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008; dan
- (ii) Surat Edaran JPA 63/17/4 KLT.7(36) bertarikh 18 Mei 2010.

### 3. TAFSIRAN

3.1. Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan ini:

'ambulans' bermaksud ambulans atau apa-apa kenderaan yang memenuhi spesifikasi ambulans yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau mana-mana pihak yang berautoriti.

'Ketua Jabatan' bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu jabatan atau agensi dan termasuklah mana-mana pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi jabatan atau agensi untuk bertindak bagi pihaknya.

'Pemandu Kenderaan' bermaksud Pemandu Kenderaan Gred H11, H14, H16, H18 sebagaimana yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang berkuat kuasa atau pindaannya dari semasa ke semasa, termasuklah Pemandu Kenderaan Gred R3, R6 yang dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

#### 4. KELAYAKAN

4.1. ETKP adalah layak dibayar kepada Pemandu Kenderaan yang dikhususkan memandu, termasuklah menjaga dan menguruskan kenderaan-kenderaan seperti yang berikut:

- (i) kereta rasmi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas;
- (ii) ambulans; atau
- (iii) kenderaan/ jentera dengan Berat Tanpa Muatan (BTM) yang melebihi 5,000 kilogram

4.2 Pemandu Kenderaan yang **tidak dikhususkan** memandu kenderaan sebagaimana ditetapkan di perenggan 4.1 tetapi diarahkan untuk memandu kenderaan tersebut pada masa-masa tertentu sahaja juga layak dibayar ETKP secara pro rata (*proportionate*) tertakluk tempohnya adalah tidak kurang daripada empat (4) jam sehari.

#### 5. KADAR

5.1 Kadar ETKP ialah **RM150.00** sebulan.

#### 6. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

6.1 Tempoh empat (4) jam seperti di perenggan 6 adalah dikira mulai dari Pemandu Kenderaan memandu kenderaan sehingga selesai tugasnya, meliputi tempoh menunggu kerana menjalankan tugas rasmi yang ada kaitan dengan tugas hakikinya atau Jabatannya atau pegawai yang dibawanya.

6.2 Dalam keadaan Pemandu Kenderaan seperti di perenggan 6 bertugas secara syif atau atas panggilan (*on-call*), bilangan hari menjalankan tugas adalah merujuk kepada giliran bertugas Pemandu kenderaan tersebut. Ini bermakna satu giliran bertugas bagi Pemandu Kenderaan tersebut adalah dikira sebagai satu hari bertugas.

6.3 Pembayaran ETKP hendaklah dibuat secara pro rata (*proportionate*) dalam keadaan sebagaimana di perenggan 4.2 atau di mana tempoh perkhidmatan Pemandu Kenderaan tidak genap satu bulan kalendar. Kaedah pengiraan ETKP secara pro rata (*proportionate*) adalah seperti berikut:-

Bilangan Hari Menjalankan Tugas

----- x Kadar ETKP (RM sebulan)

Bilangan Hari Dalam Bulan Berkenaan

6.4 Pembayaran ETKP akan terhenti, mulai hari pertama, apabila pegawai berada dalam keadaan seperti yang berikut:

- (i) Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
- (ii) Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
- (iii) kursus (termasuk Cuti Belajar Bergaji Penuh) yang tempohnya melebihi 92 hari termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (iv) Cuti Rehat yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;

- (v) cuti selain daripada Cuti Rehat, yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (vi) kombinasi mana-mana jenis cuti yang tempohnya melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja tanpa kebenaran; dan
- (vii) menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang tempohnya melebihi 92 hari berturut-turut.

6.5 Pembayaran ETKP adalah menjadi tanggungjawab jabatan di mana pegawai ditempatkan. Sekiranya ETKP ini belum dibayar oleh jabatan asal bagi tempoh sebulan pegawai bertukar ke jabatan baharu, bayaran dalam tempoh tersebut hendaklah dibuat oleh jabatan asal.

## **7. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

7.1 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) memastikan urusan pembayaran dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan pemberian ETKP dan kewangan semasa;
- (ii) mengeluarkan arahan secara bertulis kepada Pemandu Kenderaan seperti perenggan 4.1 dan 4.2; dan

- (iii) menentukan bilangan Pemandu Kenderaan yang munasabah bagi sesebuah kenderaan dengan mematuhi undang-undang/ peraturan berkaitan jalan raya/ pengangkutan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

## **8. PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2008, Surat Edaran JPA 63/17/4 KLT.7(36) bertarikh 18 Mei 2010 dan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bil.7/2008 adalah dibatalkan.

## **9. TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 April 2019**.

## **10. ASAS-ASAS PERTIMBANGAN**

10.1 Penerimaan pakai setiap Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia adalah amat perlu supaya Skim Perkhidmatan yang di amalkan di peringkat Negeri tidak bercanggah dengan skim perkhidmatan peringkat Persekutuan.

10.2. Penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan ini akan berlaku pertambahan kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**



**(DATO' HAJI TENGGU AZMI BIN TENGGU JAAFAR, D.P.S.K(Kelantan))**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

Bertarikh:

Kepada:

- Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan